

# Projek SULAM UMS dapat bantu bangunkan ekonomi

UB 17.05.2022 P.04

Pembelajaran berasaskan perkhidmatan membantu selesaikan masalah dan keperluan penduduk Wallace Bay

Oleh Hamzah Sanudin

**TAWAU:** Program 'Service Learning Malaysia University for Society' (SULAM) yang dijalankan di Kampung Wallace Bay Pulau Sebatik dekat sini dilihat dapat membantu membangunkan ekonomi dan memakmurkan penduduk setempat.

Program berkenaan melibatkan pensyarah dan penuntut program Sosiologi dan Antropologi Sosial Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan bersama Fakulti Pertanian Lestari Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ketua Projek SULAM Ramlah Daud berkata, program itu adalah satu konsep pembelajaran berasaskan perkhidmatan bagi membantu menyelesaikan masalah dan keperluan komuniti terlibat.

Katanya, ilmu yang dipelajari secara teori akan dipraktikkan menerusi projek-projek bersama komuniti yang dilihat berupaya menambah baik pengetahuan penuntut dan



**TAPAK:** Ramlah menunjukkan antara tapak cadangan untuk menjalankan projek tanaman sistem fertigasi di kampung itu.

komuniti.

Menurutnya, program itu pada awalnya adalah berkaitan pemantapan pengurusan organisasi kampung, iaitu sesuai dengan kursus Sosiologi

Organisasi Kompleks.

"Bagaimanapun, komuniti juga menyuarakan hasrat untuk meningkatkan ekonomi menerusi pertanian moden.

"Memandangkan bidang ini

menjurus kepada satu bidang yang khusus, maka kita menjemput rakan dari program Hortikultur dan Landskap untuk bersama-sama membantu komuniti Wallace Bay,"

katanya.

Beliau berkata, penuntut mengadakan sesi dialog bersama komuniti kampung mengenai sistem fertigasi termasuk 'Nutrient Film Technique'

(NFT) dan 'autopot'.

"Ya bertujuan memberi pendedahan awal kepada penduduk setempat tentang sistem fertigasi itu.

"Seramai 25 orang komuniti menyertai dialog berkenaan terdiri daripada belia, ahli peladang, ibu-ibu tunggal dan suri rumah," katanya.

Ramlah berkata, program ini bersifat jangka masa panjang iaitu impak berterusan yang akan diterima oleh masyarakat.

"Selain itu, program ini adalah langkah awal untuk jalinan kerjasama merentas disiplin dengan pelbagai pihak yang mempunyai matlamat sama untuk membantu masyarakat.

"Justeru, diharapkan lebih banyak pihak akan terlibat dalam program ini demi membangunkan ekonomi desa, sekali gus memakmurkan rakyat setempat.

Sementara itu, penuntut Fakulti Pertanian Lestari UMS Mark Wong Kui Liang berkata, pelaksanaan projek SULAM

menjadi nilai tambah kepada mereka untuk mengaplikasikan pembelajaran secara praktikal.

Katanya, melalui program ini dapat menjadikan penuntut sebagai modal insan yang memahami keperluan dan memberikan khidmat komuniti setempat walaupun masih dalam tahun pengajian.

"Kami membuat perkongsian ilmu yang diperolehi di universiti kepada penduduk setempat di kampung Wallace Bay.

"Justeru, kami juga mempraktikkan apa yang telah kami perolehi sebelum ini dan ilmu itu akan diaplikasikan oleh penduduk setempat selepas program ini tamat," jelasnya.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Komunikasi Korporat UMS Dr Norhuda Salleh; Pensyarah Program Hortikultur dan Landskap Fakulti Pertanian Lestari UMS Dr Sa-lumiah Mijin; Ketua Kampung Wallace Bay Siamisir Borhan dan Pemaju Mukim Sebatik Hamdan Sarapudin.